



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 9 APRIL 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 9 April 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,247 kes** (341,489 kes kumulatif, 95.5%);
- Kes baharu : **1,854 kes** (357,607 kes kumulatif);
- Kes import : **20 kes** (5 warganegara, 15 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **1,834 kes** [1,618 warganegara (88.2%); 216 bukan warganegara (11.8%)];
- Kes aktif : **14,805 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **169 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **79 kes**; dan
- Kes kematian : **5 kes** (1,313 kes kumulatif, 0.37%; 3 warganegara; 2 bukan warganegara).

Pada hari ini, Sarawak melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **555 kes (29.9 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **417 kes (75.1 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Peningkatan kes di Sarawak adalah disebabkan oleh pertambahan kluster-kluster di kalangan komuniti termasuklah rumah-rumah panjang. Faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes adalah acara-acara keramaian dan aktiviti-aktiviti sosial seperti upacara pengebumian, perkahwinan, dan lain-lain acara keraian. Pada hari ini sahaja, Sarawak melaporkan dua (2) kluster komuniti yang baharu iaitu **Kluster Sungai Gemuan** dan **Kluster Disso**.

Dua (2) negeri lain dengan pelaporan kes harian baharu tertinggi pada hari ini adalah Selangor iaitu sebanyak **403 kes (21.7 peratus)** dan Pulau Pinang sebanyak **176 kes (9.5 peratus)**.

Sebanyak **58 kes (3.1 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (25 kes), Kluster Tembok Muhasabah (13 kes), Kluster Telok Mas (11 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (4 kes), Kluster Tembok Sri Aman (3 kes), Kluster Tembok Tapah (1 kes), dan Kluster DTI Sepang 2 (1 kes).

Terdapat lima (5) kes kematian pada hari ini yang melibatkan tiga (3) kes di Sarawak dan masing-masing satu (1) kes di Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebanyak tiga (3) kes melibatkan warganegara dan dua (2) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 9 April 2021:

- Jumlah kluster : **1,442 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **7 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,100 kluster** (termasuk **13 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Tempua, Kluster Jalan Pelepas Dua, Kluster Teknologi Tenggara, Kluster Parit Penyengat Darat, Kluster Sri Jelutung, Kluster Kampung Columbia, Kluster Jalan Payamanis, Kluster Jalan Cheras, Kluster Jalan**

Duyong, Kluster Lorong Kilang, Kluster Tapak Bina Jalan Zamrud, Kluster Jalan Bukit Kemuning, dan Kluster Tapak Bina Jalan Pantai);

- Jumlah kluster aktif : **342 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **67 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Tapak Bina Persiaran Freesia (63 kes), Kluster Sungai Gemuan (26 kes), dan Kluster Penjara Jalan Harapan (25 kes).**

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **tujuh (7) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan empat (4) kluster tempat kerja dan tiga (3) kluster komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Sungai Kluang Satu	Pulau Pinang	Tempat Kerja
2	Jalan Ismail Sultan	Johor	Tempat Kerja
3	Batu Lima Jalan Sibuga	Sabah	Tempat Kerja
4	Taman Bukit Pantai	WP Kuala Lumpur dan Selangor	Tempat Kerja
5	Sungai Gemuan	Sarawak	Komuniti
6	Disso	Sarawak	Komuniti
7	Sim-Sim	Sabah	Komuniti

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

9 April 2021 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 9 APRIL 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	403 (2)	119,105
SABAH	139	55,539
JOHOR	103 (1)	42,160
WP KUALA LUMPUR	135 (15)	38,663
SARAWAK	555 (1)	19,262
NEGERI SEMBILAN	40	17,486
PULAU PINANG	176	17,349
PERAK	29	13,675
KEDAH	40	8,707
KELANTAN	143	6,850
MELAKA	34 (1)	6,698
PAHANG	19	4,485
TERENGGANU	29	3,679
WP LABUAN	3	2,405
WP PUTRAJAYA	6	1,209
PERLIS	0	335
JUMLAH KESELURUHAN	1,854 (20)	357,607

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 1,854 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 9 April 2021 adalah seperti berikut:

- **Sarawak: 555 kes**

- 124 kes daripada kluster-kluster, termasuk 29 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Sungai Gemuan dan Kluster Disso**;
- 293 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 137 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 403 kes**

- 101 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 228 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 72 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 176 kes**

- 53 kes daripada kluster-kluster, termasuk 24 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Sungai Kluang Satu**;

- 29 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 94 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 143 kes**
 - 42 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 78 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 23 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sabah: 139 kes**
 - 71 kes daripada kluster-kluster, termasuk 15 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Sim-Sim dan Kluster Batu Lima Jalan Sibuga**;
 - 49 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 135 kes**
 - 19 kes dari kluster baharu iaitu **Kluster Taman Bukit Pantai**;
 - 65 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - 15 kes import dari luar negara; dan
 - 36 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 103 kes**
 - 45 kes daripada kluster-kluster, termasuk 23 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Ismail Sultan**;
 - 39 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 40 kes**
 - 19 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - 17 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 40 kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 22 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 34 kes**
 - 17 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- Satu (1) kes import dari luar negara;
- Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 29 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Sungai Kluang Satu**;
 - 13 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 29 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster sedia ada;
 - 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 19 kes**
 - 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Enam (6) kes**
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Tiga (3) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan lima (5) kes kematian pada 9 April 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1309	Sabah	Perempuan (WN)	35	Hospital Tawau	Penyakit asma dan obesiti
1310	Sarawak	Lelaki (WN)	42	Hospital Sibu	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1311	Sarawak	Perempuan (WN)	69	Jenazah dibawa ke Hospital Bintulu	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
1312	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	32	Hospital Ampang	Penyakit imuniti rendah
1313	Sarawak	Lelaki (BWN)	43	Jenazah dibawa ke Hospital Bintulu	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

Perincian tujuh (7) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER SUNGAI KLUANG SATU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Barat Daya, Timur Laut, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 4 April hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Hilir Sungai Kluang 1, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Barat Daya. Sehingga 9 April 2021, sejumlah 1,769 individu telah disaring, di mana **79 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN ISMAIL SULTAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-342354) dilaporkan positif COVID-19 pada 29 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah pasaraya yang terletak di Jalan Ismail Sultan, Gelang Patah, Johor Bahru. Sehingga 9 April 2021, sejumlah 138 individu telah

disaring, di mana **36 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. **KLUSTER BATU LIMA JALAN SIBUGA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sandakan, Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-344746) dilaporkan positif COVID-19 pada 31 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pelajar-pelajar dan kakitangan sebuah pusat pendidikan yang terletak di Batu 5, Jalan Sibuga, Sandakan. Sehingga 9 April 2021, sejumlah 144 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. **KLUSTER TAMAN BUKIT PANTAI**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Lembah Pantai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan daerah Petaling di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-353602) dilaporkan positif COVID-19 pada 7 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pelajar-pelajar di sebuah pusat pendidikan yang terletak di Taman Bukit Pantai, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sehingga 9 April 2021, sejumlah 74 individu telah disaring, di mana **20 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. **KLUSTER SUNGAI GEMUAN**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Meradong di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-341572) dilaporkan positif COVID-19 pada 28 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah komuniti di Sungai Gemuan, Meradong. Sehingga 9 April 2021, sejumlah 260 individu telah disaring, di mana **39 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. **KLUSTER DISSO**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Saratok di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-345065) dilaporkan positif COVID-19 pada 31 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Disso, Saratok. Sehingga 9 April 2021, sejumlah 208 individu telah disaring, di mana **24 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. **KLUSTER SIM-SIM**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Sandakan di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-351343) dilaporkan positif COVID-19 pada 5 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah komuniti di Jalan Buli Sim Sim,

Sandakan. Sehingga 9 April 2021, sejumlah 21 individu telah disaring, di mana **15 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.